



10 TARIKAN DI BANDAR TAIPING

Norshuhada Binti Samsudin & Sharifah Sarimah Bt Syed Abdullah

Taiping merupakan bandar yang penuh dengan kedamaian dan sering menjadi tarikan pelancong dalam dan luar negara. Sebagai anak jati Taiping, kami senaraikan beberapa tempat menarik yang boleh dikunjungi oleh para pengunjung yang singgah ke Taiping Bandar Warisan.

1. Taman Tasik Taiping

Taman Tasik Taiping adalah sebuah kawasan rekreasi yang merupakan bekas lombong bijih timah yang tertua di Malaysia. Kawasan ini juga terletak di antara Bukit Larut dan Zoo Taiping yang merupakan tarikan utama bagi penduduk sekitar serta pelancong. Suasana persekitaran yang mendamaikan menjadikan Taman Tasik ini sebagai tarikan utama para pengunjung yang datang ke Taiping. Pengunjung boleh menikmati keindahan alam disamping menjalankan aktiviti riadah bersama keluarga.



Sumber : <https://www.orangperak.com/>

2. Zoo Taiping

Zoo Taiping dikelilingi oleh persekitaran semulajadi yang indah berhampiran kaki Bukit Larut (Maxwell Hill). Terdapat lebih 140 spesis haiwan seperti harimau, singa, gajah, badak air, zirafah, burung enggang, Orang Utan dan lain-lain. Pengunjung boleh memilih untuk berjalan kaki atau menaiki keretapi yang disediakan oleh pihak zoo untuk melihat haiwan-haiwan yang ada di Zoo Taiping. Selain itu, pengunjung boleh mengunjungi *Night Safari* pada waktu malam. Pengunjung dapat merasai keindahan malam diterangi oleh lampu-lampu dan melihat pergerakan haiwan pada waktu malam.



Sumber : <https://siraplimau.com/>

3. Burmese Pool

Ia juga dikenali sebagai Kolam Batu Besar kerana merupakan kolam batu besar di sepanjang sungai di Taiping. Kolam batu ini sangat luas dan menjadi tarikan pengunjung yang ingin menikmati kedinginan air terjun yang mengalir serta dikelilingi oleh keindahan hutan yang penuh ketenangan.



Sumber : <http://visitmalaysia.info/>

4. Muzium Perak, Taiping

Muzium Perak merupakan salah satu tempat menarik yang mesti dilawati jika berkunjung ke Taiping. Muzium Perak merupakan muzium pertama dan tertua di Malaysia dan ianya terletak di Bandar Taiping, Perak. Lokasinya bertentangan dengan Penjara Taiping. Muzium ini mempamerkan koleksi artifak termasuk koleksi yang jarang dilihat seperti spesis haiwan dan barangan tembikar yang berusia lebih seratus tahun.



Sumber : <https://www.tripadvisor.com.my/>

5. Spritzer Ecopark

Spritzer EcoPark di Taiping diwujudkan untuk mengekalkan warisan yang ada di bandar Taiping serta menyediakan tempat untuk aktiviti riadah untuk pengunjung. Taman ini terletak berhampiran Air Kuning, Taiping, Perak dan bersebelahan dengan ibu pejabat Spritzer yang merupakan jenama air mineral terbesar di Malaysia. Antara kemudahan yang ada di sini adalah taman rekreasi, padang mini golf, galeri, kafe, zon kanak-kanak, dan beberapa tempat menarik sesuai untuk pengunjung yang suka bergambar.



Sumber: gokelah.com

6. Restoran Ansari Famous Cendol

Jika berkunjung ke Taiping, tidak lengkap jika tidak menikmati kelazatan cendol 'legend' yang beroperasi sejak tahun 1940 di bandar ini. Terdapat pelbagai jenis cendol seperti cendol biasa, cendol kacang, cendol pulut, cendol jagung dan juga menu lain seperti rojak pasembor yang dijual dengan harga yang sangat berpatutan.



Sumber : <https://saji.my/>

7. Popiah Basah (Medan Selera Larut Matang)


Salah satu tarikan makanan yang sedap di bandar Taiping adalah popiah basah. *Famous Omar Popiah Taiping* merupakan gerai yang terletak di Medan Selera Larut Matang dan menjual popiah basah resepi turun temurun yang sangat terkenal dengan kelazatan dan harga yang berpatutan. Jika ingin menikmati rasa popiah basah di sini, pengunjung perlu beratur panjang terutama ketika musim cuti.



Sumber : <http://www.sedapnya-makan.com/> & <https://www.tripadvisor.com.my/>

8. Satay Basri

Satay yang popular dan pujaan hati di Taiping adalah Satay Basri atau dikenali dengan “Basri Satay”. Lokasinya di bawah Bangunan Larut Matang. Keistimewaan Satay Basri ini adalah rasa daging yang sedap dan lembut, kuah yang pekat melekat dimana memenuhi citarasa pelanggan. Harganya sangat berbaloi dan berpatutan.



Sumber : <http://kantasaya.blogspot.com/>

9. Muzium Matang dan Rumah Kota Ngah Ibrahim

Muzium Matang merupakan sebuah bangunan yang pernah dijadikan Institut perguruan dan sekolah Melayu yang didirikan di dalam kawasan Kota Ngah Ibrahim yang berkeluasan lebih kurang 2 ekar. Jika ke Taiping, singgahlah ke sini. Masuk adalah percuma. Jom ke Muzium Matang sebelum jalan-jalan cari makan di Mee Udang Warisan.



Sumber: <https://museumvolunteersjmm.com/2020/09/>

10. Mee Udang Warisan

Untuk menikmati keenakan mee udang di Kuala Sepetang, Taiping, pengunjung boleh singgah ke warung “Mee Udang Warisan”. Warung ini terletak berhampiran dengan kedai mee udang popular di Taiping, “Mee Udang Mak Jah”. Keunikan rasa kuah mee udang ini beserta udang yang segar menambahkan lagi kelazatan mee udang di warung ini.



Sumber : Facebook (Taiping Zone)

Rujukan :

- 1) <http://www.mptaiping.gov.my/en/node/1131>
- 2) <https://zootaiping.gov.my/>
- 3) <http://visitmalaysia.info/taiping/burmese-pool.htm>
- 4) <http://neejashamiza.blogspot.com/2019/08/mee-udang-warisan.html>

